

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD [KUALA KANGSAR]

TARIKH : 11.3.2015

SOALAN :

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian Pendidikan untuk menjadikan mata pelajaran Pendidikan Seni menjadi bidang ilmu yang penting daripada segi melahirkan pelajar yang seimbang daripada aspek rohani, jasmani dan intelek. Dan apakah usaha-usaha pihak-pihak berwajib seperti Balai Seni Lukis Negara dan Pusat Kraf Negara bagi menyediakan warga pelajar menghadapi era kecemerlangan bidang ini yang pasti menjanjikan pendapatan lumayan di era cabaran globalisasi dan dalam masa yang sama meningkatkan tahap kualiti dan kesinambungan budaya bangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjadikan Pendidikan Seni Visual mata pelajaran wajib bagi peringkat sekolah rendah, sekolah menengah rendah dan Sekolah Seni Malaysia (SSeM). Kurikulum mata pelajaran ini digubal berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang memberi penegasan ke arah melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Bagi memartabatkan Pendidikan Seni Visual, kurikulum ditambah baik dan dikemaskini bagi memenuhi tuntutan semasa serta akan datang.

Transformasi kurikulum mata pelajaran ini dilakukan selaras dengan transformasi kurikulum persekolahan peringkat rendah dan menengah melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2011 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah yang akan bermula pada tahun 2017. Melalui KSSR dan KSSM elemen-elemen baharu diterapkan di dalam kurikulum Pendidikan Seni Visual. Elemen tersebut termasuklah penetapan standard kandungan, standard pembelajaran dan tahap penguasaan yang patut dikuasai oleh murid setelah melalui pembelajaran mata pelajaran ini.

Bagi menyediakan murid menghadapi cabaran abad ke-21, elemen kemahiran berfikir aras tinggi, kreativiti, inovasi, keusahawanan, *designomic* dan *design thinking* turut diterapkan dalam kurikulum mata pelajaran ini melalui KSSR dan KSSM. Penubuhan tiga buah sekolah **SSeM** iaitu di Johor Bharu dan Kuching pada tahun 2007 dan di Shah Alam pada 2013 merupakan usaha yang dilakukan oleh KPM untuk melahirkan lebih ramai ilmuan dan penggiat seni bagi menyumbang ke arah kelestarian khazanah kesenian nasional, perkembangan dan kemajuan industri kreatif negara. Program usahasama antara pihak KPM dengan agensi kerajaan yang lain serta pihak swasta turut dilakukan dipelbagai peringkat bagi memajukan dan meningkatkan minat dalam bidang ini.